



# **GARIS PANDUAN PENGUNAAN SIDANG VIDEO JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI JOHOR**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
BAHAGIAN SAINS TEKNOLOGI DAN ICT**

# **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SIDANG VIDEO JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI JOHOR**

- 1.0 Tujuan garis panduan penggunaan sidang video ini disediakan bertujuan sebagai sumber rujukan berkaitan pemilihan aplikasi, permohonan, etika dan tatacara penggunaan kepada semua agensi Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan perkhidmatan sidang video berlangsung dengan jayanya. Pematuhan dalam penggunaan perkhidmatan ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan sidang video berlangsung mengikut piawaian dan kerahsiaan maklumat kerajaan terpelihara sebagaimana yang telah ditetapkan.
  
- 2.0 Skop garis panduan ini dirangka meliputi aspek permohonan, penggunaan dan pengendalian perkhidmatan sidang video agensi Kerajaan Negeri. Ia melibatkan semua agensi Kerajaan Negeri. Penggunaan perkhidmatan ini dapat meningkatkan produktiviti dan tahap keberkesanan sistem komunikasi untuk tujuan operasi harian jabatan, mesyuarat serta aktiviti-aktiviti berkumpulan seperti bengkel dan seminar.
  
- 3.0 **Penyataan**
  - 3.1 Penggunaan Perkhidmatan Sidang Video adalah meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan sidang video, live streaming, perisian dan perkakasan kecuali tempat penyimpanan data (storage).
  - 3.2 Penggunaan perkhidmatan ini adalah bagi tujuan rasmi agensi seperti mesyuarat, perbincangan, temuduga dan begkel atau seminar.
  - 3.3 Perkakasan Sidang Video Perkakasan sidang video adalah meliputi kamera web serta aksesori tambahan yang diperlukan.
  
- 4.0 **Perisian Sldang Video**
  - 4.1 Semua agensi kerajaan negeri yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri melalui perbendaharaan Negeri, Bahagian Sains Teknologi dan ICT menyediakan perisian CISCO Webex (berlesen) di bawah Kerajaan Negeri Johor dengan kapasiti 200 ahli mesyuarat/bengkel/seminar pada satu-satu masa.
  - 4.2 Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri, Agensi disarankan menggunakan **perisian sidang video berlesen** bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan mesyuarat.

## 5.0 Tatacara Penggunaan dan Pengendalian Sidang Video

- 5.1 Penggunaan perkhidmatan sidang video ini adalah untuk kegunaan rasmi mesyuarat, perbincangan, bengkel dan seminar.
- 5.2 Bagi agensi kerajaan negeri, emohonan penggunaan perkhidmatan ini boleh dibuat menerusi emel **sidangvideo@johor.gov.my** kepada BSTICT dengan menyatakan maklumat seperti berikut **sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja** sebelum pelaksanaan mesyuarat :
  - 5.2.1 Nama Pegawai
  - 5.2.2 Agensi
  - 5.2.3 Tajuk, Tarikh dan masa mesyuarat
  - 5.2.4 Bilangan Ahli mesyuarat
- 5.3 Pengguna akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan dan keselamatan peralatan siding video yang digunakan.
- 5.4 Pengguna hendaklah memaklumkan kepada Bahagin Sains Teknologi dan ICT jika terdapat pembatalan penggunaan perkhidmatan sidang video dan pembatalan tersebut perlu dimaklumkan dengan kadar segera.

## 6.0 Tatacara Keselamatan

- 6.1 Proses merekod dan menyimpan data untuk sebarang sidang video yang berlangsung hendaklah di buat oleh jabatan masing-masing menggunakan komputer riba jabatan
- 6.2 Agensi **DILARANG** merakamkan mesyuarat sidang video menggunakan perkhidmatan '**cloud**' bagi mengelakkan kebocoran maklumat.
- 6.3 Pengguna perlu meletakkan kata laluan mesyuarat semasa mencipta mesyuarat. Nombor ID mesyuarat atau dailing number adalah sulit, dan akan diberikan atas arahan pengerusi mesyuarat sahaja.
- 6.4 Pengguna (host) mesyuarat hendaklah mengambil langkah mengunci mesyuarat selepas semua ahli telah hadir atau mencukupi korum .

## 7.0 Tanggungjawab Pengguna Sidang Video

- 7.1 Peralatan tidak dibenarkan sama sekali untuk dibawa keluar atau dipindahkan ke tempat lain tanpa kebenaran dari Setiausaha Bahagian BSTICT.
- 7.2 Pengguna perlu bertanggungjawab sepenuhnya menjaga keselamatan perkakasan semasa dalam penggunaan perkhidmatan sidang video.
- 7.3 Pengguna perlu mematuhi etika penggunaan sidang video dan penggunaan perkhidmatan hanya bagi tujuan rasmi sahaja.
- 7.4 Pengguna perlu memastikan semua peralatan yang digunakan dipulangkan selepas sidang video berlangsung.

## 8.0 Etika Penggunaan Sidang Video

### 8.1 Sebelum Sidang Video

- 8.1.1 Urusetia mesyuarat perlu berada awal sekurang-kurang setengah jam sebelum mesyuarat atau pembelajaran bermula. Ini adalah penting untuk pengguna menjalankan ujian suara dan memastikan dokumen pembentangan (jika ada) tidak bermasalah untuk dibentangkan.
- 8.1.2 Pengguna perlu memastikan peralatan komunikasi seperti telefon bimbit diletakkan dalam mode 'silent' (senyap) supaya ianya tidak mengganggu mesyuarat atau pembelajaran yang sedang berlangsung.
- 8.1.3 Pengguna perlu menetapkan susun atur perabot dan kedudukan ahli berhadapan dengan set video bagi memastikan paparan video adalah cantik pada pandangan ahli yang berada di lokasi yang lain.

### 8.2 Semasa Sidang Video

- 8.2.1 Pengguna perlu memastikan mesyuarat dijalankan tepat pada masanya.
- 8.2.2 Semasa mesyuarat dilaksanakan ahli tidak dibenarkan untuk membuat bising kerana ianya akan mengganggu sistem komunikasi antara peralatan sidang video dan dikhuatiri sistem pembelajaran yang disampaikan tidak jelas kepada ahli yang berada di lokasi yang lain.
- 8.2.3 Ahli dinasihatkan untuk mengurangkan pergerakan dan bercakap dalam keadaan yang sesuai bagi memastikan ianya tidak mengganggu penghantaran imej kepada ahli mesyuarat yang lain yang berada di lokasi lain.

## 9.0 Pengecualian

- 9.1 Bahagian ini tidak melaksanakan pemasangan sidang video bagi mesyuarat yang di hoskan oleh agensi luar di mana agensi Kerajaan Negeri merupakan ahli mesyuarat. Agensi Kerajaan Negeri berkaitan perlu mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan teknikal daripada agensi yang menjadi hos mesyuarat tersebut.
- 9.2 Agensi bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat dan sidang video yang dilaksanakan.
- 9.3 Agensi juga bertanggungjawab sepenuhnya bagi pemilihan perisian selain yang dibekalkan oleh BSTICT.

10.0 Rujukan

10.1 Dokumen Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Johor 2.0

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
BAHAGIAN SAINS TEKNOLOGI DAN ICT  
5 MEI 2020**